

Perbandingan Falsafah Politik Barat dan Islam

The Comparison of Western and Islamic Political Philosophy

Hidayah Ahmad Azam¹ⓧ, Rushdan bin Abdul Halim¹, Ruzlan bin Abd Rahman¹, Kamarudin Awang Mat¹, Azmi Md Nor¹, Zulkefli Embong¹, Norhayati Ahmad Salleh¹

¹Pusat Kajian Pemikiran dan Peradaban Ummah (PEMIKIR)

ⓧ Corresponding author: usuhidayah@gmail.com

ABSTRAK

Politik memainkan peranan penting sebagai sebuah sistem kepimpinan untuk mentadbir kehidupan manusia. Akar falsafah politik Islam dan perbezaannya dengan falsafah politik Barat perlu dicungkil dan dibincangkan semula kerana sejak zaman penjajahan sehingga kini, umat Islam termasuk sebahagian besar para pemimpin dan cendekiawan tidak dapat menerima cara fikir, sistem dan institusi politik Barat. Jika situasi ini berterusan tanpa pembaharuan pemikiran, politik umat Islam dan negara Islam akan terus terumbang-ambing dan hanya memberi khidmat kepada Barat. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk memberi pandangan yang lebih mendalam dan menerangkan perbezaan antara falsafah politik Barat dan Islam melalui analisis terperinci terhadap perbandingan dalam tujuan politik, hubungan antara politik dan agama, serta sumber kuasa dalam falsafah politik Islam dan Barat. Ini penting bagi merangka halatuju politik umat Islam dan menjadi medium kepada kesatuan ummah bagi mencapai matlamat sebenar politik Islam iaitu *Khilafah ala Manhaj Nubuwwah*. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menjadikan al Quran, hadis dan pandangan daripada pelbagai sarjana dan pemikir Islam sebagai rujukan. Kajian mendapati perbezaan dan konflik antara pemikiran politik Barat dan Islam sebenarnya berpunca daripada perbezaan latar belakang falsafah, metodologi dan teori politik, bukan sekadar perbezaan dari sudut institusi dan sejarah. Sistem dan institusi politik masa kini lahir dari dominasi falsafah Barat yang bertentangan dengan falsafah Islam di mana tiada nilai kebenaran yang dipertahankan kerana ia bersifat relatif sebaliknya Islam memperjuangkan kebenaran tetap (*al-haq*) kerana itulah sumber kesejahteraan manusia. Pembaharuan atau perubahan pada sistem dan institusi politik masa kini tidak mencukupi kerana umat Islam perlu bebas dari kerangka falsafah Barat.

KATA KUNCI

Falsafah politik,
Islam, Barat,
Perbezaan
Politik

Received: June 17, 2023

Accepted: Sept 14, 2023

Published: Oct 31, 2023

ABSTRACT

Politics plays an important role as a leadership system to govern human life. The roots of Islamic political philosophy and its differences with Western political philosophy need to be unearthed and discussed again because since the colonial era until now, Muslims including most of the leaders and scholars have not been able to accept the Western way of thinking, system and political institutions. If this situation continues without a renewal of thinking, the politics of Muslims and Islamic countries will continue to waver and only serve the western agenda. Therefore, this study aims to provide a deeper insight and explain the differences between Western and Islamic political philosophy through a detailed analysis of comparisons in political goals, the relationship between politics and religion, as well as sources of power in Islamic and Western political philosophy. This is important to formulate the political direction of Muslims and to be a medium for the unity of the ummah to achieve the true goal of Islamic politics which is Khilafah ala Manhaj Nubuwwah. This study applies the qualitative research method by referring to the Quran, hadiths and views from various Islamic scholars and thinkers. The study found that the differences and conflicts between Western and Islamic political thought actually stem from differences in philosophical, methodological and political theory background, not just differences from an institutional and historical point of view. Today's political system and institutions were produced from the dominance of Western philosophy where no value of truth is defended because it is relative whereas Islam fights for the permanent truth (al-haq) because that is the source of human well-being. Reforms or changes to the current political system and institutions are not enough because Muslims need to be free from the Western philosophical framework.

KEYWORDS

Political philosophy, Islam, West, political difference

1.0 Pendahuluan

Falsafah yang mendasari sistem politik sekarang adalah manifestasi kepada peradaban politik *humanisme*¹ yang menjadi asas kepada peradaban Barat. Sistem ini tidak membawa kepada pembinaan sebuah peradaban politik yang merealisasikan matlamat kehidupan hakiki sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam. Model negara Islam yang sebenar tidak wujud dalam konteks dunia sekarang. Politik yang mengikut Manhaj *Nubuwwah* hanya wujud pada zaman Nabi Muhammad saw dan Khulafa' al-Rasyidin seterusnya mulai terhakis sedikit demi sedikit pada zaman selepasnya (Al-Maududi, 1979). Terdapat sesetengah pemerintahan Islam selepas itu seperti pemerintahan Umar Abdul Aziz yang berusaha untuk mengadaptasi kembali manhaj Khulafa' al Rasyidin (*khilafah ala Manhaj Nubuwwah*), tetapi tidak dapat bertahan lama (Al-Maududi, 1984). Walau bagaimanapun, tonggak-tonggak negara Islam masih wujud seperti kuasa muslimin yang menjadi tempat penyatuan dan perlindungan umat Islam daripada musuh, pelaksanaan syariat Islam dalam negara, malah penyebaran dakwah (risalah) serta perluasan kuasa pemerintahan Islam masih terus berlaku sehinggalah jatuhnya kerajaan Othmaniah pada tahun 1924.

Selepas kejatuhan Khilafah Othmaniah di Turki pada tahun 1924, sistem politik di negara-negara Islam telah didominasi oleh falsafah politik Barat yang lahir daripada fahaman *humanisme* yang melahirkan sistem demokrasi. Natijahnya, falsafah politik Barat yang diterjemahkan dalam sistem demokrasi dijadikan piawaian untuk menilai dan menghakimi sistem politik Islam. Teori tersebut terlalu dominan sehingga umat Islam tidak berani untuk kembali mengungkapkan sistem khilafah, bahkan terdapat sebahagian pemikir Islam dan politikus muslim yang cuba mengislamisasikan demokrasi dan menjadikan ia sebagai sistem terbaik yang menepati syariah untuk pemerintahan negara (Al-Khalidi,

¹ *Humanisme* merupakan suatu pendirian falsafah dan etika yang menekankan nilai dan tindakan manusia (*human agency*) - baik secara sendiri mahupun terkumpul/kolektif, serta memihak kepada pemikiran kritis dan bukti (*rasionalisme and empirisme*) berbanding penerimaan dogma atau tahayul.

1983). Jika situasi ini berterusan tanpa ada sebarang perubahan, maka politik umat Islam dan negara-negara Islam akan terus terumbang-ambing dan segala usaha pembangunan dan pengislahannya hanya sekadar memberi khidmat kepada agenda barat.

Pemerhatian terhadap apa yang berlaku masa kini menimbulkan satu persoalan penting, ke mana arah tuju umat Islam? Realitinya, umat Islam berada dalam kekeliruan dan tiada hala tuju yang betul kerana terbelenggu oleh falsafah politik Barat. Sebahagian besar umat Islam memperjuangkan sistem demokrasi yang didasari prinsip-prinsip kapitalisme kerana percaya bahawa demokrasi dan ekonomi kapitalis dapat membawa kemajuan dan kemakmuran. Di sisi lain, terdapat juga sebahagian umat Islam yang berusaha untuk melakukan proses islamisasi terhadap sistem yang ada tanpa kembali merujuk kepada falsafah politik Islam yang sebenar. Mereka cuba mengamalkan prinsip-prinsip Islam dalam bidang-bidang tertentu seperti hukum syariah atau pendidikan, tanpa mengubah dasar politik dan ekonomi yang ada. Hakikatnya, usaha ini hanya sekadar tempelan sedangkan matlamat sebenar politik Islam tetap tidak akan tercapai dan akan terus dimanipulasi oleh kuasa politik Barat.

Justeru, melihat kepada krisis umat Islam dalam cara fikir, sistem, dan institusi politik Barat, kajian ini penting untuk menganalisis punca asas di sebalik percanggahan ini dengan memberi tumpuan kepada perbezaan falsafah politik yang mendasar. Perbezaan politik Islam dan Barat menjadi satu keperluan segera untuk dikaji, didalami serta dikemukakan solusi bagi memahami punca permasalahan sebenar. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menerangkan perbezaan falsafah politik Barat dan Islam melalui tiga aspek utama; tujuan politik, hubungan dengan agama dan sumber kuasa.

Selain itu, kajian perbezaan ini juga penting bagi mencari punca sebenar mengapa umat Islam tidak boleh menerima cara fikir, sistem, dan institusi politik Barat. Ia seterusnya akan menjadi panduan kepada umat Islam, terutamanya mereka yang berkecimpung dalam bidang politik bagi membawa umat kepada matlamat politik yang betul untuk memastikan pembinaan peradaban yang menyeluruh. Ia juga akan menjadi medium kepada kesatuan ummah bagi mencapai matlamat sebenar politik Islam iaitu *Khilafah ala Manhaj Nubuwwah*.

2.0 Perbezaan Antara Falsafah Politik Islam dan Barat

Falsafah politik Islam sangat berbeza dengan falsafah politik Barat kerana unsur ketuhanan yang terkandung dalam ajaran Islam berbanding falsafah Barat yang mengikut acuan sekular yang memisahkan unsur agama dan negara serta menafikan Tuhan dan agama dalam politik. Tiga perbezaan utama antara falsafah politik Islam dan Barat yang diperhalusi dalam kajian ini adalah dari sudut;

1. Tujuan politik
2. Hubungan politik dan agama
3. Sumber kuasa

2.1 Perbezaan 1: Tujuan Politik Menurut Falsafah Barat dan Islam

Kajian perbandingan dilakukan terhadap falsafah utilitarianisme dan demokrasi Barat serta konsep kemaslahatan umum (masalah) dalam pemikiran politik Islam untuk melihat perbezaan dalam tujuan politik mengikut falsafah Barat dan Islam.

2.1.1 Tujuan Politik Menurut Falsafah Politik Barat

Selepas kejatuhan Khilafah Othmaniah di Turki pada tahun 1924, sistem politik di negara-negara umat Islam telah didominasi oleh falsafah politik Barat yang lahir daripada fahaman *humanisme* yang melahirkan sistem demokrasi. Natiujahnya, falsafah politik Barat yang diterjemahkan dalam sistem demokrasi dijadikan piawaian untuk menilai dan menghakimi sistem politik Islam. Selain itu, falsafah politik Barat berkait rapat dengan falsafah utilitarianisme. Utilitarianisme adalah sebuah teori etika yang menekankan bahawa sesuatu tindakan dianggap baik atau buruk berdasarkan kesannya terhadap kesejahteraan atau kebahagiaan individu atau masyarakat secara keseluruhan. Falsafah ini menitikberatkan pencapaian "kebahagiaan yang terbesar bagi jumlah yang terbesar". Dalam falsafah

utilitarianisme, sesuatu keputusan atau tindakan dianggap baik jika memberikan hasil yang paling positif dan mengurangkan sebanyak mungkin penderitaan. Keputusan dinilai berdasarkan kuantiti dan kualiti kebahagiaan yang dihasilkan. Falsafah utilitarianisme diaplikasikan dalam sistem demokrasi Barat di mana penglibatan orang ramai dalam demokrasi dipercayai membolehkan rakyat untuk mengutamakan kebahagiaan dan kesejahteraan Masyarakat kerana keputusan politik dibuat untuk mencapai hasil yang paling menguntungkan sebahagian besar rakyat. Namun, penting untuk diingat bahawa konsep-konsep ini tidak selalu berjalan seiring kerana terdapat variasi dalam cara penerapannya dalam konteks politik nyata.

Walaupun sistem politik Barat merangkumi pelbagai negara dengan pelbagai struktur dan pendekatan, tetapi terdapat beberapa tujuan politik yang sering ditekankan. Tujuan utama politik dalam sistem Barat adalah memenuhi serta melindungi kehendak individu dalam masyarakat. Tujuan politik ini membentuk asas bagi pelaksanaan kerajaan dan interaksi politik dalam masyarakat.

1. Demokrasi dan Penglibatan Awam

Salah satu tujuan utama sistem politik Barat adalah mewujudkan demokrasi yang berpusat pada penglibatan awam. Demokrasi membolehkan rakyat menyuarakan pendapat melalui pemilihan umum dan proses politik yang lain. Ini memberi kuasa kepada rakyat untuk mempengaruhi pembuatan keputusan dan dasar-dasar kerajaan. Melalui proses demokrasi, rakyat dapat menunjukkan sokongan atau bantahan terhadap pemerintahan serta menentukan wakil-wakil yang akan mewakili kepentingan mereka di dalam institusi politik.

2. Keadilan dan Hak Asasi Manusia

Sistem politik Barat menekankan pentingnya keadilan sosial dan hak asasi manusia. Ia melibatkan perlindungan hak individu seperti kebebasan bersuara, kebebasan beragama, dan hak atas proses undang-undang yang adil. Keadilan sosial pula merujuk kepada pembahagian sumber secara saksama untuk memastikan kesejahteraan bersama. Dengan menegakkan hak asasi manusia, sistem politik Barat berusaha untuk memastikan bahawa setiap individu mempunyai hak yang dihormati dan dilindungi oleh undang-undang, tanpa mengira latar belakang atau kedudukan sosial.

3. Pembahagian Kuasa dan Pemerintahan Berpaksikan Undang-Undang

Sistem politik Barat menitikberatkan pembahagian kuasa antara badan-badan kerajaan dan kebebasan perundangan. Prinsip semak dan imbang digunakan untuk mengelakkan pengumpulan kuasa yang berlebihan dalam satu institusi sahaja. Pematuhan terhadap undang-undang dan perlembagaan penting untuk mencegah penyalahgunaan kuasa. Dengan memisahkan kuasa eksekutif, legislatif, dan kehakiman, sistem politik ini bertujuan untuk menghalang dominasi kuasa yang berlebihan dan menjaga agar kerajaan beroperasi dalam batasan undang-undang yang telah ditetapkan.

2.1.2 Tujuan Politik Menurut Falsafah Politik Islam

Secara umumnya, terdapat tiga nilai dalam misi politik Islam iaitu persamaan, kebebasan dan keadilan seperti yang diperhatikan dalam kata-kata Rabi' bin Amir, seorang sahabat Nabi Muhammad SAW. Kenyataan beliau yang dicatatkan dalam Tafsir Ibn Kathir menggambarkan tujuan misi politik Islam yang diutuskan oleh Allah, seperti yang difahami oleh Rabi' bin Amir dalam ungkapannya:

“Sesungguhnya Allah telah mengutus kami untuk mengeluarkan manusia dari perhambaan sesama makhluk kepada perhambaan kepada Allah, dari kezaliman agama-agama (sistem hidup) yang ada kepada keadilan Islam dan dari kesempitan dunia kepada keluasan dunia dan akhirat”. (Ibn Kathir, n.d, ms. 622

Dari ayat tersebut, jelas menunjukkan tujuan politik Islam adalah yang pertama, mengeluarkan manusia dari perhambaan sesama makhluk kepada perhambaan kepada Allah. Kedua, mengeluarkan dari kezaliman agama-agama atau sistem hidup yang ada kepada keadilan Islam dan yang ketiga, mengeluarkan dari kesempitan dunia kepada keluasan dunia dan akhirat. Justeru, terdapat empat teras falsafah Politik Islam iaitu;

1. Kuasa, hak mutlak Allah.
2. Kedaulatan syariat.
3. Pemerintah adalah khalifah Allah.
4. Institusi ummah (sumber kuasa).

Tujuan politik dalam Islam berpaksikan kepada melindungi keperluan individu dan masyarakat dalam menjamin kelangsungan hidup yang sejahtera. Ia merangkumi konsep keadilan, kebajikan (masalah), dan menjaga kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan. Konsep-konsep ini merentasi seluruh aspek kehidupan termasuk politik, sosial, ekonomi, dan moral dalam sistem Islam. Keadilan bermakna memberi hak yang sewajarnya kepada semua individu dan masyarakat secara seimbang tanpa mengira latar belakang atau kedudukan. Manakala masalah merujuk kepada memelihara kepentingan umum masyarakat. Tujuan politik dalam Islam adalah memastikan kebajikan masyarakat dijaga dan keadilan diserapkan dalam sistem politik.

2.2 *Perbezaan 2: Hubungan Politik dan Agama dalam Falsafah Politik Barat dan Islam*

Kajian ini meneliti perbezaan pendekatan terhadap hubungan antara agama dan politik dalam falsafah politik Barat dan Islam di mana falsafah Barat mengenegipkan agama manakala konsep syariat Islam ditekankan dalam falsafah politik Islam.

2.2.1 *Hubungan Politik dan Agama dalam Falsafah Politik Barat*

Kajian politik Barat mempunyai kaitan yang rapat dengan perkembangan ilmu-ilmu falsafah, sejarah dan pelbagai disiplin sains sosial dan sains tulen. Di Barat, berlakunya proses transformasi daripada sistem politik tradisional kepada sistem politik moden dalam abad ke-14 hingga ke-18. Ia merupakan zaman penting dalam perkembangan sains politik kerana berlakunya perubahan menyeluruh di Eropah yang dikenali sebagai "*Reformation*" dan "*Renaissance*" yang mencetuskan idea-idea baharu tentang agama, kehidupan sosial, ekonomi dan pemerintahan. Zaman ini telah mengubah sistem feodal yang bertapak kuat dalam masyarakat yang menentukan kuasa semulajadi, adat dan tradisi yang condong kepada perkara-perkara seperti pengesahan kuasa kepimpinan seperti adat penaungan, perlindungan dan kesetiaan kepada pemimpin.

Dalam falsafah Barat moden, kebenaran tidak mutlak, yang bermakna bahawa tidak ada satu kebenaran tunggal atau mutlak yang boleh diterapkan dalam semua situasi atau konteks, tetapi dapat berubah atau bervariasi bergantung pada sudut pandang, konteks, atau kepercayaan individu atau kelompok. Misalnya, fahaman humanisme menafikan kebergantungan manusia kepada unsur agama dan agama dilihat sebagai sesuatu yang menyusahkan hidup manusia. Menurut Karl Marx, humanisme diperkenalkan bertujuan untuk menafikan kewujudan dan kekuasaan tuhan seterusnya memisahkan manusia daripada agama. Malah, Marx menegaskan bahawa manusia adalah pencipta agama dan bukan agama yang mencipta manusia. Ini kerana sejarah Barat di zaman gelap melahirkan penolakan Barat terhadap agama dalam politik. Hakikat kebenaran yang dianggap relatif atau tidak mutlak menyebabkan nilai kebenaran bukan ditetapkan oleh kepercayaan manusia.

Dalam falsafah Barat moden, unsur ketuhanan dan agama tidak memainkan peranan utama dalam sistem politik. Falsafah politik Barat moden lebih cenderung untuk memisahkan agama dari bidang politik dan menjadikan keputusan politik bergantung pada pertimbangan rasional, hukum, dan nilai-nilai manusia yang sekular. Justeru, konsep pemisahan agama dari politik, yang sering dikenali sebagai sekularisme adalah prinsip dalam falsafah Barat yang menekankan pemisahan antara urusan agama dan urusan politik dalam masyarakat dan kerajaan. Secara umum, sekularisme berusaha untuk memisahkan institusi agama dari kuasa politik serta memastikan bahawa pemerintahan dan undang-undang tidak terpengaruh atau dikendalikan oleh agama. Ini membolehkan masyarakat yang berbilang agama untuk hidup bersama dalam suasana toleransi dan kebebasan beragama.

Secara khusus, terdapat beberapa aspek dalam konsep pemisahan agama dari politik dalam falsafah Barat:

1. Kebebasan beragama: Sekularisme melindungi kebebasan individu untuk memilih dan mengamalkan agama masing-masing dalam ertikata kepercayaan dan amalan ritual individu tanpa campur tangan atau paksaan dari pihak berkuasa. Ini menggalakkan pluralisme agama dalam masyarakat.
2. Kebebasan berfikir: Pemisahan agama dari politik memberi ruang kepada pemikiran bebas dan rasional, menggalakkan masyarakat untuk merangka pandangan berdasarkan logik dan bukti.
3. Pemerintahan berdasarkan undang-undang: Sekularisme mendorong pemerintahan yang berdasarkan undang-undang dan perlembagaan, bukannya prinsip agama. Ini membantu mengurangkan risiko penyalahgunaan kuasa atas nama agama.
4. Kehidupan awam dan agama: Sekularisme membezakan antara kehidupan awam (umum) dan agama (peribadi). Ini bermaksud bahawa institusi kerajaan dan masyarakat awam yang mengendalikan isu-isu berkaitan dengan politik, ekonomi, dan sosial, sementara agama hanya menjadi hal peribadi.

2.2.2 Hubungan Politik dan Agama dalam Falsafah Politik Islam

Dalam Islam, konsep agama dilihat sebagai nilai kebenaran mutlak di mana ajaran agama datang dari Allah melalui wahyu kepada Nabi Muhammad SAW. Oleh itu, agama adalah sumber kebenaran yang tidak boleh dipertikaikan dan syariat adalah cara pelaksanaannya untuk mencapai kebenaran yang membawa kepada kesejahteraan. Syariat merujuk kepada undang-undang dan panduan dalam Islam yang mengatur kehidupan individu dan masyarakat dalam kehidupan sehari-hari agar masyarakat dapat mencapai kebenaran dan kesejahteraan dalam dunia dan akhirat. Justeru, dalam perspektif Islam, konsep kedaulatan syariat penting untuk dijelaskan dengan lebih mendalam.

Ketuanan syara' atau kedaulatan syariat merujuk kepada istilah *al-hakimiyah lillah* (الحاكمية لله) atau *al-siyadah li al-syar'i* (السيادة للشرع) yang membawa erti sifat Allah SWT sebagai pemilik mutlak pemerintahan dan hukumNya adalah yang tertinggi. Kedaulatan syariat bererti tiada ketundukan melainkan ketundukan kepada Allah SWT, tiada syariat kecuali apa yang disyariatkan Allah SWT, tiada yang boleh menghalalkan dan mengharamkan kecuali apa yang dihalalkan dan diharamkan Allah SWT, tiada siapa yang boleh menentukan undang-undang dan peraturan kecuali undang-undang dan peraturan yang ditentukan oleh Allah SWT, atau yang tidak bertentangan dengan apa yang telah ditentukan. Hakikat ini meliputi seluruh bidang kehidupan manusia. Ketuanan syara' atau kedaulatan syariat disebut dalam firmanNya:

مَا تَعْبُدُونَ مِنْ دُونِهِ إِلَّا أَسْمَاءٌ سَمَّيْتُمُوهَا أَنْتُمْ وَءَابَاؤُكُمْ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ بِهَا مِنْ سُلْطَانٍ ۗ إِنْ أَحْكَمُ إِلَّا لِلَّهِ ۗ أَمَرَ إِلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ ۗ ذَلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ۚ ٤٠

Maksudnya: Sebenarnya hukum (yang menentukan amal ibadat) hanyalah bagi Allah. Dia memerintahkan supaya kamu jangan menyembah melainkan Dia. Yang demikian itulah agama yang betul, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui. [Surah Yusuf:40]

قُلْ إِنِّي عَلَىٰ بَيِّنَةٍ مِّن رَّبِّي وَكَذَّبْتُمْ بِهِ ۗ مَا عِندِي مَا تَسْتَعْجِلُونَ بِهِ ۗ إِنْ أَحْكَمُ إِلَّا لِلَّهِ ۗ يَفْصُ الْحَقُّ ٥٧ وَهُوَ خَيْرُ الْفَاصِلِينَ

Maksudnya: Menetapkan (hukum itu) hanyalah hak Allah. Dia menerangkan kebenaran dan Dia pemberi keputusan yang terbaik. [Surah Al-An'am:57]

Dalam bidang politik atau kekuasaan, perkara utama yang mesti dipastikan adalah bahawa hak menentukan hukum hanya bagi Allah SWT sahaja, tiada sekutu bagiNya dengan sesuatu dalam menentukan undang-undang atau perkara yang berkaitan dengan tadbir urus negara sama ada yang

berkaitan dengan hubungan antara umat Islam sesama mereka atau hubungan antara umat Islam dengan bukan Islam dalam negara. Begitu juga perkara yang berkaitan dengan hubungan negara Islam dengan negara bukan Islam, semuanya mesti merujuk kepada syariat Allah SWT. Kedaulatan syariat merupakan paksi bagi mesej keseluruhan al-Quran dan al-Sunnah yang dirangkumkan dalam dua kalimah sahaja iaitu dua kalimah syahadah, لا إله إلا الله محمد رسول الله.

Firman Allah swt;

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا لِمُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَمْرًا أَنْ يَكُونَ لَهُمُ الْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ ۗ وَمَنْ يَعْصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا مُّبِينًا

Maksudnya: Dan tidaklah harus bagi orang-orang yang beriman, lelaki dan Perempuan, apabila Allah dan RasulNya menetapkan keputusan mengenai sesuatu perkara (tidaklah harus mereka) mempunyai hak memilih ketetapan sendiri mengenai urusan mereka. Dan sesiapa yang tidak taat kepada hukum Allah dan RasulNya maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang jelas nyata [Surah al-Ahzab:36]

Kedaulatan syariat bererti menolak thaghut di mana tiada pilihan bagi orang-orang yang beriman melainkan mesti berhubung dengan syariat yang diturunkan oleh Allah swt. Oleh itu mana-mana penguasa yang memerintah manusia dengan kehendaknya dan peraturannya sendiri secara mutlak tanpa merujuk kepada hukum dan peraturan yang ditentukan Allah (syariatNya) sebenarnya telah mengambil hak ketuhanan Allah SWT. Oleh itu, mereka dinamakan thaghut seperti Firaun dan Namrud. Begitu juga sesiapa yang mendokong dan berjuang untuk mendaulatkan peraturan dan undang-undang selain dari syariat Allah SWT, maka mereka sebenarnya berjuang di jalan thaghut. Hakikatnya, konsep kedaulatan syariat inilah yang menjadi titik pertembungan antara para rasul dan thaghut sepanjang zaman.

Hakikat ubudiah yang sebenar adalah apabila manusia sebagai hamba Allah dapat menyerahkan hak menentukan peraturan dan undang-undang (hakimiyah) dalam seluruh kehidupan diri dan masyarakatnya kepada Allah SWT. Ia dilaksanakan dalam mengurus negara baik dalam mengatur rakyatnya mahupun mengurus hubungan antarabangsa. Hakikat inilah yang menepati tugas manusia sebagai khalifah Allah (wakil) untuk mengurus muka bumi mengikut kehendak yang ditentukan Allah SWT.

3.0 Penutup

Kajian ini menggariskan bahawa sistem dan institusi politik masa kini lahir dari dominasi falsafah Barat yang bertentangan dengan falsafah Islam. Pembaharuan atau perubahan pada sistem dan institusi politik masa kini tidak mencukupi kerana umat Islam perlu keluar dan bebas dari kerangka falsafah Barat. Ini kerana perbezaan dan konflik antara pemikiran politik Barat dan Islam sebenarnya berpunca daripada perbezaan latar belakang falsafah, metodologi, dan teori politik, bukan sekadar perbezaan dari sudut institusi dan sejarah. Pembaharuan atau perubahan pada sistem dan institusi politik masa kini tidak mencukupi kerana umat Islam perlu keluar dan bebas dari kerangka falsafah politik Barat.

Penghargaan

Para penulis merakamkan penghargaan kepada para peserta Wacana Falsafah Kenegaraan yang diadakan pada 24 Jun 2023 atas pandangan yang membina dan cadangan penambahbaikan kualiti kajian.

Rujukan

- 'Abd al Aziz & 'Izzat al Khayyat. (2008). *Al Nizam al Siyasiyy fi al Islam: al Nazariyyah al Siyasiyyah Nizam al Hukm*.
- Abdul Rahman, A., Abdul Wahab, A., Hamzah, M., Mohd Salleh, N., & Mohd Nasir, A. (2020). *Tajdid Falsafah Peradaban Islam*. Bandar Baru Bangi: Ikatan Muslimin Malaysia.
- Abu al-A'laa al-Maududi. (1984). *Al-Hukumah al-Islamiyyah, al-Mukhtaar al-Islamiy*, al 'Daar al-Sa'udiyyah li al-Nasyr wa al-Tauzie'.
- Abu al-A'laa al-Maududi. (1984). *Nahnu wal Hadharah al Gharbiyyah*, al 'Daar al-Sa'udiyyah li al-Nasyr wa al-Tauzie'.
- Abu al-A'laa al-Maududi (1968). *Mujaz Tarikh Tajdid at-Din Wa-Ihya'ih*, *Dar-al-Fikr, Beirut, Ms 168*.
- Abu Faris, Muhammad Abdul Qadir. (1984) *an-Nizham as-Siyasi fi al-Islam*, Lebanon: al-Ittihad al-Islami al-Alami.
- Yusuf al-Qardhawi. (2009). *Fiqh al-Jihad: Dirasah Muqaranah Li-Ahkamihi WaFalsafatihi Fi Daw al-Quran Wa-al-Sunnah*. Kaherah: Maktabah Wahbah. Ali Dhanawi, Mohd. 'Aqliah Islamiyah fil alam'. Ms 59
- Ali Muhammad As Shalaby. (2009). *Fiqh al-Nasr wa al-Tamkin fi al-Quran al-Karim*, Beirut - Lubnan: Dar al-Makrifah.
- Almond, G. A. (2007). *Comparative Politics Today*, Pearson; 9th edition
- Goodin, R. (2011). *The Oxford Handbook of Political Science*, Oxford Academic
- Ibn Kathir. (n.d). *al-Bidayah wa al-Nihayah* jilid 9
- Ibrahim al Bayumi Ghanim. (2022). *Al-Fikr al-Siasi enda al-Imam Hassan al-Banna*, Madarat li al-Abhath wa al-Nasyr, Kaherah, 2012
- Mahmud al Khalidi (1983). *Al Dimokratiah al-Gharbiah fi Dhau' al Syariah al Islamiyah*, Maktabah al Risalah al Hadisah
- Mohd Rosli, R., Badhrulhisham A. A, Mohd Hazizi A. R, Zamani, I., Muhammad Syamil M. S., Hamidi, A. H., Kamaruddin, K., Mohd Tahir, H., Abd Aziz S., Abdul Rahman I., Asmadi, A. S., Muhammad Irfan, M. S., Qamarul Nazrin, H. (2021). *Falsafah Peradaban Politik Islam*, Tidak diterbitkan.
- Muhammad Yaziski. (2015). *Mahiyah al-Falsafah al-Siyasiyyah fi al-Hadharah al-Islamiyyah*. Markaz Hadharah li Tanmiyah al Fikr al Islamiyy.
- Muhammad Asad. (1978). *Manhaj al Islam fil al-Hukm*, Beirut - Lubnan: Dar al-Ilm.
- Muhammad Asad. (1961). *Principles of State and Government in Islam*. University of California Press
- Muhammad Basyki. (2015). *Mahiah al Falsafah al Siyasiyah fi al Hadharah al Islamiyah*: Beirut.
- Muhammad Taqi Usmani. (2018). *The Political System in Islam*.
- Oghlo, A. D. (2006). *Al Falsafah al Siyasiyyah*, Maktabah al Syuruq al Dawliyyah.
- Saadi Abu Jaib. (1982). *Al Wajiz fil Mabadi' as Siasah fil Islam*, Jeddah: Dar al-Bilad li al-Tibaah wa al-Nasyr
- Sa'ied Abu Habib. (1985) *Dirasah Fi Minhaaj al-Islam al-Siyasiy*, Muassasah al-Risalah, Beirut.
- Sulayman ibn Qasim. (2003). *al Nizam al Siyasiyy fi al Islam*, Dr al'eid, Dar al Watan li al Nasyr wa al Tawzi'.